

17 NOV 1996
PBPM-Berdikari
PBPM YAKIN DAPAT BERDIKARI

IPOH, 17 Nov (Bernama) -- Persatuan Bekas Perajurit Malaysia (PBPM) yakin dapat mengurangkan penggantungannya kepada sumbangan kerajaan dan orang ramai berikutan penglibatannya dalam aktiviti-aktiviti ekonomi, kata Presidennya Datuk Zainol Abidin Johari hari ini.

Beliau berkata syarikat pelaburannya, PBPM Holdings, yang ditubuhkan pada tahun 1990, kini membabitkan diri secara aktif dalam kerja-kerja kontrak kecil projek-projek raksasa di Kuala Lumpur seperti projek Kuala Lumpur City Centre.

Syarikat itu mencatatkan jumlah dagangan sebanyak RM1.5 juta pada tahun lepas dan jumlah itu dijangka berlipatganda pada tahun ini, katanya kepada pemberita selepas perasmian persidangan perwakilan luar biasa dan tahunan ke-71 PBPM oleh Menteri Besar Tan Sri Ramli Ngah Talib di sini.

Zainol Abidin berkata persatuan itu juga merancang untuk mengembangkan aktiviti ekonominya dengan menubuhkan sebuah lagi badan pelaburan iaitu Yayasan Perkasa.

"Bagaimanapun, PBPM sedang menunggu jawapan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenainya dan juga perlantikan anggota Lembaga Amanahnya," katanya.

Zainol Abidin berkata dengan aktiviti-aktiviti pelaburan yang dijalankan, PBPM berharap dapat mengurangkan pergantungannya kepada sumbangan dan derma kerajaan dan orang ramai bagi menjalankan aktivitinya yang memerlukan sekurang-kurangnya RM2 juta setahun.

Bagaimanapun, PBPM tetap berharap agar Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) mengadakan peruntukan tahunan kepada PBPM memandangkan LTAT kini menyalurkan terus segala bantuan kepada Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera (Perhebat), katanya.

Beliau berkata sebelum Perhebat diwujudkan sumbangan itu disalurkan kepada Tabung Bekas Perajurit yang dikendalikan oleh PBPM.

Katanya Perhebat juga bersetuju untuk membantu bekas anggota tentera dengan mengadakan pinjaman sebanyak RM5,000 tanpa faedah selama tiga tahun untuk mereka yang berminat memulakan perniagaan secara kecil-kecilan.

Beliau berkata permohonan boleh dibuat melalui PBPM peringkat bahagian bermula Januari tahun depan. -- BERNAMA

HK AKD